

Dr. Mahathir Wira Dunia Ketiga

Oleh SAHIDAN JAAFAR

APABILA Tun Dr. Mahathir Mohamad mengambil alih kepimpinan negara banyak pihak tiba-tiba merasakan Dasar Luar Negara beralih daripada cara yang agak diplomasi dan berkecuali kepada prinsip ketegasan serta 'kesetiakawanan' yang serius.

Aziz Zariza Ahmad dalam buku 'Fasa Kedua' (1988) menyatakan, Dasar Luar Negara di bawah kepemimpinan Dr. Mahathir merupakan satu dasar yang jelas terhadap setiap tindakan oleh kerajaan pimpinan beliau.

Hasilnya, beliau berjaya membawa Malaysia ke barisan hadapan, khususnya dalam kelompok dunia ketiga sebagai pemimpin yang berani menyuarakan dengan lantang hasrat dan cita rasa kumpulan dunia ketiga.

Keberanian Dr. Mahathir menegam Israel menindas rakyat Palestin, mengkritik Amerika Syarikat yang bersekongkol menjual senjata kepada Israel untuk membunuh rakyat Palestin dan mengecam kegagalan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dilihat membuka mata dunia ketika beliau menyampaikan ucapan sulung sebagai Perdana Menteri pada Sidang Ke-37 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York pada 29 September 1982.

Beberapa isu penting termasuk keadaan kemelesetan ekonomi dunia, kedaulatan Kampuchea, sikap negara kaya terhadap negara miskin, soal Asia Barat dan Antartika turut disentuh Dr. Mahathir dalam ucapan itu.

Keberanian Dr. Mahathir menuduh Israel sebagai sebuah negara yang telah menindas Palestin dengan restu kuasa-kuasa besar Barat, terutamanya Amerika Syarikat, cukup luar biasa.

Dr. Mahathir menimbulkan isu kekejaman terhadap Palestin oleh Yahudi yang mengambil alih negara Palestin dengan persetujuan PBB pada tahun 1984.

Malah, beliau menyamakan kekejaman Israel terhadap Palestin dengan kezaliman yang dilakukan oleh Hitler dan tentera Nazi terhadap bangsa Israel semasa Perang Dunia Kedua.

Kritikan Dr. Mahathir itu mendapat sanjungan ramai, antaranya pengiktirafan yang diberikan oleh Presiden Majlis Bagi Hubungan Luar Amerika Syarikat, Winston Lord, badan yang



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan ucapan yang merangkumi pelbagai isu penting termasuk mengenai hasrat Amerika Syarikat dan Eropah untuk menjajah semula dunia pada sesi ke-38 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 25 September 2003.

terlibat dalam merangka dasar luar Amerika Syarikat dengan negara-negara Asia pada 1982.

Dr. Mahathir disifatkan oleh Lord sebagai seorang pemimpin terkemuka yang berani dan berpengaruh yang baru muncul di Asia bagi mencapai keamanan dunia sejagat.

"Ucapan beliau di UNGA pada September 1982 menegaskan tindakan Amerika Syarikat membekalkan senjata kepada Israel adalah sama kesannya dengan perbuatan membunuh, kerana senjata-senjata itu akan digunakan oleh Israel untuk membunuh rakyat Palestin.

"Bagi Dr. Mahathir sejarah Israel menunjukkan ia tidak lagi berperang mempertahankan sempadannya, sebaliknya menyerang atas sebab-sebab paling kecil, sama ada sebab itu dibenarkan ataupun sesuatu yang hanya dibayangkan (ilusisi)." (Aziz Zariza Ahmad 1988: 80).

Malah kata Dr. Mahathir,



DR. MAHATHIR MOHAMAD menyampaikan ucapan sulung beliau pada Sidang Ke-37 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York pada 29 September 1982.

Perdana Menteri Israel sendiri mengakui bahawa Israel tidak berjuang atastas dasar memperertahankan diri, sebaliknya negara itu meny-erang sekiranya terdapat provokasi walaupun yang paling kecil dan akan juga membuat serangan sekiranya dirasakan ada provokasi.

"Bolehkah kita terima bahawa hanya keselamatan Israel sahaja yang penting dan negara-negara Arab yang berjiran tidak berhak kepada keselamatan mere-

ka?" soal Dr. Mahathir (*Utusan Malaysia* 30 September 1982:14).

Serentak dengan kecaman ke atas Israel, Perdana Menteri memberikan setinggi penghormatan kepada pejuang-pejuang Palestin kerana keberanian dan sikap patriotik dan meng-

hadapi perjuangan

menegakkan hak mereka. "Saya juga ingin menyampaikan setinggi penghormatan kepada Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO), Yasser Arafat kerana keberanian dan tokoh kenegaraannya yang sanggup meninggalkan Beirut semaberiut semata-mata untuk menjamin kesmenjamin kелamatan orang-orang

orang awam dalam keganasan Israel tetapi malangnya pengorbanan PLO itu masih menghadapi kecewaan," jelas Dr. Mahathir (*Utusan Malaysia* 30 September 1982: 1414).

Selepas ucapan perpertama di Perhimpunan Agung PBB itu itu Dr. Mahathir menimbulkan lagi soal Palestin beberapa kali dalam ucapan berikutnya di UNGA pada 1984, 1984, 1986 dan 1988.

Malah, ucapan Dr. Mahathir pada 1986 jelas menunjukkan pendiriannya yang diambil oleh beliau adalah lebih kritikal dan lantang apabila beliau bukan sekadar menyalahkan kuasa-kuasa besar terbesar masuk Amerika Syarikat tetapi seluruh PBB kerana gagal menyelesaikan kesengsaraan rakyat Palestin yang ditindas oleh Israel di tanah air mereka sendiri.



UTUSAN Malaysia memaparkan berita utama ucapan sulung Dr. Mahathir Mohamad bertajuk "Dr. M seru AS kaji semula sikap terhadap Israel" yang disiarkan pada 30 September 1982.

MOMEN & MEMORI

Sumber: Pusat Maklumat Utusan



DR. Mahathir Mohamad bersama Setiasusaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Perez de Cuellar semasa mereka bertemu di New York, pada 29 September 1982.